

## covid-19

# Tahniah buat rakyat 'nogori'

Kes baharu, penggunaan katil di hospital terus menurun buka jalan selesa ke Fasa 4 PPN

Oleh Mohd Amin Jalil  
am@hmetro.com.my

### Seremban

Kadar kes baharu wabak pandemik Covid-19 di Negeri Sembilan terus mencatat penurunan dengan nisbah ketika ini kepada 24.2 kes bagi setiap 100,000 orang penduduk.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, kadar penggunaan katil Unit Rawatan Rapi (ICU) di hospital awam menurun kepada sekitar 42 peratus manakala penggunaan katil bukan ICU turun kepada 30 peratus.

"Setakat ini Negeri Sembilan mencapai imuniti kelompok (*herd immunity*) seperti yang disasarkan apabila lebih 80 peratus daripada populasi penduduk dewasa di negeri ini sudah lengkap divaksin sejak 2 September lalu.

"Kejayaan ini hasil pencapaian Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) apabila lebih 100 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) meliputi Hospital dan Klinik Kesihatan (KK) selain PPV bergerak disediakan.

"Malah, Program Imunisasi Industri Co-

vid-19 Awam-Swasta (Pikas) membabitkan dua PPV di negeri ini iaitu di Sendayan dan Senawang membantu mencapai sasaran imuniti berkenaan," katanya semalam.

Beliau berkata, peningkatan penyediaan dari-

pada 180,000 dos bekalan vaksin disediakan pada Jun lalu kepada melebihi 600,000 dos pada bulan Julai dan Ogos memberi impak positif terhadap sasaran imuniti kelompok ditetapkan.

"Hasil daripada itu kita berjaya mengurangkan kes baharu Covid-19 apabila mencatatkan hanya 242 kes semalam (kelmarin).

"Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan,

Tunku Muhriz Tunku Munawir menzahirkan kesyukuran atas pencapaian yang membanggakan ini ketika baginda menyampaikan titah perasmian Persidangan Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang ke-14, Jumaat lalu," katanya.

Aminuddin mengucapkan penghargaan kepada semua pihak sama ada di peringkat jabatan dan agensi kerajaan selain sukarelawan dan petugas barisan hadapan Kementerian Kesihatan (KKM) yang bersungguh-sungguh menyumbang masa dan tenaga dalam merealisasikan matlamat Pick.

"Terima kasih saya ucapkan kepada seluruh rakyat Negeri Sembilan atas kerjasama yang diberikan terutama dalam aspek mematuhi prosedur operasi standard (SOP) serta menepati temu janji vaksinasi diberi.

"Insya-Allah, sama-sama kita berusaha Negeri Sembilan beralih ke Fasa Empat Pelan Pemulihan Negara (PPN) secepat mungkin," katanya.

Ketika ini Negeri Sembilan berada dalam Fasa Ketiga PPN yang bermula kelmarin selepas sembilan hari berada dalam Fasa Kedua PPN bermula 26 Ogos lalu.

“  
Terima kasih  
saya ucapkan  
kepada seluruh  
rakyat Negeri  
Sembilan  
Aminuddin

